**Jabatan Alam Sekitar**
**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**Kementerian Alam Sekitar dan Air**
L4-I-3 Enterprise 4, Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sg Besi, Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-8993 9023
Faks : 03-8993 9079
Laman Web : www.doe.gov.my

JAS.WHQ. 600-2/23/008 (12)
21 Oktober 2021

EVERMIX CONCRETE SDN BHD
C-3-G, Jalan Bayu Laut 15D/KS09
Kota Bayu Emas Pendamar
**41200 KLANG**
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-3165 6748
Faks: 03-3167 8959

**ULASAN INPUT PEMBANGUNAN BAGI PEMBINAAN LOJI PEMBANCUH KONKRIT SEPARA TERTUTUP SEMENTARA (DI TAPAK PEMBINAAN) LOT PT 9550 (SEBAHAGIAN PLOT A-PARCEL Z), BANDAR SRI PERMAISURI KUALA LUMPUR UNTUK TETUAN EVERMIX CONCRETE SDN. BHD.**

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak tuan melalui juruperunding Rsplan Project Management Sdn. Bhd. no. rujukan RSPM/3869/UPI/DOE/WPKL/0610.2141 bertarikh 6 Oktober 2021 yang diterima pada 7 Oktober 2021 adalah seperti di atas.

2. Jabatan ini mengambil maklum bagi cadangan penempatan loji pembancuh simen di tapak berkenaan. Penempatan loji membancuh konkrit ini adalah bertujuan bekalan simen bancuh kepada pembangunan (kediaman) Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) 803 unit di atas Lot PT 9550 (sebahagian Plot A – Parcel Z), Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana di dalam **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, semasa pelaksanaan aktiviti di tapak iaitu:

**i. Kawalan Kualiti Udara**

- Mengemukakan Pemberitahuan Bertulis di bawah **Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014** bagi pemasangan **alat pembakaran Bahan Api (Janakuasa) dan alat kawalan pencemaran udara (bag filter/dust collector/cerobong dll.)** ke Jabatan ini dalam tempoh **tiga (3) minggu** daripada tarikh surat ini. Kegagalan pihak tuan dalam mengemukakan perkara di dalam tempoh ditetapkan boleh mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**;

**Jabatan Alam Sekitar**
**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**Kementerian Alam Sekitar dan Air**
L4-I-3 Enterprise 4, Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sg Besi, Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-8993 9023
Faks : 03-8993 9079
Laman Web : www.doe.gov.my

JAS.WHQ. 600-2/23/008 (12)
21 Oktober 2021

EVERMIX CONCRETE SDN BHD
C-3-G, Jalan Bayu Laut 15D/KS09
Kota Bayu Emas Pendamar
**41200 KLANG**
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-3165 6748
Faks: 03-3167 8959

**ULASAN INPUT PEMBANGUNAN BAGI PEMBINAAN LOJI PEMBANCUH KONKRIT SEPARA TERTUTUP SEMENTARA (DI TAPAK PEMBINAAN) LOT PT 9550 (SEBAHAGIAN PLOT A-PARCEL Z), BANDAR SRI PERMAISURI KUALA LUMPUR UNTUK TETUAN EVERMIX CONCRETE SDN. BHD.**

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak tuan melalui juruperunding Rsplan Project Management Sdn. Bhd. no. rujukan RSPM/3869/UPI/DOE/WPKL/0610.2141 bertarikh 6 Oktober 2021 yang diterima pada 7 Oktober 2021 adalah seperti di atas.

2. Jabatan ini mengambil maklum bagi cadangan penempatan loji pembancuh simen di tapak berkenaan. Penempatan loji membancuh konkrit ini adalah bertujuan bekalan simen bancuh kepada pembangunan (kediaman) Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) 803 unit di atas Lot PT 9550 (sebahagian Plot A – Parcel Z), Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana di dalam **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,** semasa pelaksanaan aktiviti di tapak iaitu:

i. **Kawalan Kualiti Udara**

- Mengemukakan Pemberitahuan Bertulis di bawah **Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014** bagi pemasangan **alat pembakaran Bahan Api (Janakuasa) dan alat kawalan pencemaran udara (bag filter/dust collector/cerobong dll.)** ke Jabatan ini dalam tempoh **tiga (3) minggu** daripada tarikh surat ini. Kegagalan pihak tuan dalam mengemukakan perkara di dalam tempoh ditetapkan boleh mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;**

ii. **Buangan Terjadual**

- Sebarang Buangan Terjadual antaranya seperti di dalam **Jadual Pertama (Peraturan 2)** hendaklah dikendali dan diuruskan mengikut kehendak-kehendak **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 - PU(A) 294/2005**;

- Simen konkrit dan enapcemar simen (*simen sludge*) tidak dibenarkan mencemar tanah dan longkang/parit awam.

iii. **Pembakaran Terbuka**

Pembakaran terbuka di dalam dan di luar kawasan premis adalah dilarang sama sekali sebagaimana kehendak **Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**. Buangan pepejal (bukan buangan terjadual) hendaklah dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (DBKL).

iv. **Kawalan Bunyi Bising**

- Paras bunyi bising hendaklah dikawal supaya tidak melebihi **60 dB(A)** pada waktu siang (7:00 pagi – 10:00 malam) dan **55 dB(A)** pada waktu malam (10:00 malam – 7:00 pagi) diukur di sempadan premis sepertimana yang ditetapkan di dalam *Schedule 1, Maximum Permissible Sound Level ($L_{Aeq}$) By Receiving Land Use for Planning and New Development, Guidelines for Environmental Noise Limits and Control Third Edition* sepanjang kerja-kerja di tapak bina.

v. **Pentadbiran**

- Sebarang perubahan kepada aktiviti premis hendaklah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlebih dahulu ; dan

- Pemilik premis adalah dipertanggungjawabkan untuk mematuhi semua kehendak di bawah **Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974** dan peraturan-peraturan di bawahnya dan syarat-syarat yang dikenakan serta arahan Jabatan ini dari semasa ke semasa.

**vi. Sekatan Mengenai Pencemaran Perairan Daratan**

- Sebarang pencemaran air daratan di antaranya seperti di dalam **Jadual Kedua (Peraturan 7)** hendaklah dikendalikan dan diuruskan mengikut kehendak-kehendak **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009** ;

- Air takungan di *sediment pond* dan *wash bay area* tidak dibenarkan mencemar air daratan dan longkang/parit awam.

4. Pihak tuan juga hendaklah memastikan aktiviti ini mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kacauganggu dan pencemaran alam sekitar.

Kerjasama dan perhatian yang diberi dalam meningkatkan kualiti alam sekeliling amatlah dihargai.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' Ts. DR. HJ. MOHAMMAD EZANNI BIN MAT SALLEH)**
b.p.: Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k.

Rsplan Project Management Sdn. Bhd.
No.40-2, Regalia Business Centre
Jalan USJ 1/1C, Subang Mewah,
**47500 SUBANG JAYA**
Selangor D.E

Tel : 03-8024 0377
Faks : 03-8023 7933

Fail Timbul

Desktop\S0S1/CBP/Surat Input Pembangunan/Evermix Concrete Sdn Bhd./PPA1M/Bandar Sri Permaisuri/211021'